

A photograph of two young women sitting together and looking at a document. The woman on the left is wearing a white t-shirt with a red graphic and has her hand near her face. The woman on the right is wearing a blue fuzzy hat and a pink patterned shirt. A red square with the word 'AVON' in white is overlaid in the center. The background is slightly blurred, showing a framed picture on the wall.

AVON

GARIS PANDUAN PEMASARAN
UNTUK WAKIL AVON

ISI KANDUNGAN

1. SELAMAT DATANG

2. PENTINGNYA PENJENAMAAN YANG KONSISTEN

3. SEGALANYA TENTANG CAP DAGANGAN (TRADEMARK)

PERATURAN ASAS

ITEM PROMOSI JUALAN

IKLAN CETAK

KAD NAMA, 'BANNER' E-MEL DAN TANDATANGAN

NAMA DOMAIN, URL DAN ALAMAT E-MEL

4. HAK CIPTA? APA TU?

SEGALANYA TENTANG HAK CIPTA

5. TIP MENJUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

PERKARA PENTING TENTANG JUALAN SECARA 'ONLINE'

KRITERIA WAJIB UNTUK KEDAI 'ONLINE' ANDA

MEMPROMOSIKAN LAMAN WEB ANDA DI PLATFORM LAIN

6. PASARAN 'ONLINE' & JUAL-BELI DI MEDIA SOSIAL

MENJUAL BARANGAN AVON MELALUI PASARAN 'ONLINE' DAN MEDIA SOSIAL

7. MENJADI PENGGUNA MEDIA SOSIAL YANG BIJAK

MEWAKILI AVON DI MEDIA SOSIAL

GARIS PANDUAN MEDIA SOSIAL

8. MENGAPA PEMATUHAN BEGITU PENTING?

9. AYUH KITA MULAKAN!

SOALAN LAZIM

CARA MEMOHON SURAT PENGESAHAN (LOA)

A close-up, high-angle shot of a woman's face. She has her eyes closed and a wide, joyful smile, showing her teeth. Her skin is fair with some freckles. Her hands are framing her face, with her fingers resting on her cheeks. She is wearing dark, shimmering nail polish and a silver ring on her finger. The lighting is soft and warm, highlighting the texture of her skin and the details of her smile.

01

**SELAMAT
DATANG**

TAHNIAH

kerana berjaya memulakan bisnes Avon anda!

Kami tahu anda amat teruja untuk berkongsi kandungan (content) bersama pelanggan anda di media sosial. Sebelum itu, kami ingin menerangkan sedikit garis panduan mengenai pemasaran dan penjenamaan bagi membantu anda menjadi 'duta' Avon yang terbaik!

Garis panduan pemasaran ini diguna pakai oleh bisnes Avon dan Wakil Avon kami di seluruh dunia. Dalam kes tertentu, undang-undang atau syarat bisnes kebangsaan mungkin mengenakan peraturan atau standard tambahan ke atas pasaran tempatan, yang akan dimaklumkan kepada anda secara berasingan.

02

**PENTINGNYA
PENJENAMAAN
YANG KONSISTEN**

FIKIRKAN TENTANG JENAMA-JENAMA YANG PALING DIINGATI DI DUNIA.

Anda dapat membayangkan logo dan nama syarikat-syarikat ini dengan pantas kerana jenama mereka tetap sama, di mana jua.

Logo dan nama syarikat yang berjaya perlulah konsisten – sama ada 'online', di bangunan kedai mahupun pada bahan pembungkusan.

Konsistensi ini yang mengukuhkan esensi syarikat tersebut, begitu juga dengan Avon. Inilah sebab mengapa Avon adalah salah sebuah syarikat yang paling dikenali di dunia.

Apabila mereka melihat logo atau membaca jenama kita dalam teks fon yang biasa dilihat – tak kira jika mereka berada di London atau di Sao Paolo – ia membangkitkan perasaan yang istimewa; sebuah emosi yang terasa rapat di jiwa.

Identiti ini tercipta daripada semangat dan keakraban anda dan seluruh generasi Wakil Avon sebelum anda. Identiti hasil daripada usaha hebat kita ini mungkin akan terjejas jika nama Avon diguna pakai dalam cara yang tidak konsisten, atau tidak mencerminkan Avon dengan sebaiknya.

Bagi melindungi jenama dan bisnes Avon anda, kami telah merangka garis panduan mudah tentang cara menggunakan nama dan cap dagangan Avon dalam bahan pengiklanan dan pemasaran anda sama ada 'online' atau 'offline'.





03

**SEGALANYA
TENTANG CAP
DAGANGAN**



Nama, logo, jenama, nama produk termasuklah penampilan pembungkusan Avon merupakan cap dagangan (trademark) Avon – kebanyakannya juga dilindungi undang-undang. Cap dagangan ini akan berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu, amat penting untuk kita sentiasa menggunakan cap dagangan yang terkini.

Tiada siapa pun dibenarkan untuk menggunakan cap dagangan ini bagi tujuan penjualan atau pengiklanan produk, merekrut Wakil baharu, mencipta bahan promosi atau melakukan apa-apa bisnes yang berkaitan tanpa kebenaran kami.



INDEPENDENT REP

Sebagai Wakil Berdaftar Avon (Independent Avon Rep), Avon membenarkan anda untuk menggunakan cap dagangannya secara tertentu, tetapi hanya mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh garis panduan pemasaran ini dan lain-lain makluman oleh Avon Malaysia.

Dalam halaman slaid berikutnya, kami akan menunjukkan cara menggunakan logo Wakil Berdaftar Avon dengan betul.

JOM LIHAT PERATURAN ASAS INI

NOTA PENTING! Setiap kali anda dibenarkan untuk mengguna logo jenama Avon, anda harus menggunakan versi yang tepat dan terkini. Jangan gunakan mana-mana versi lama seperti di bawah:

AVON 
Beauty for a Purpose

AVON 
the company for women

AVON INDEPENDENT REPRESENTATIVE 

Apabila menggunakan logo jenama Avon, anda juga harus menyertakan perkataan INDEPENDENT REP bersama-sama logo jenama Avon. Anda juga boleh menggunakan versi rasmi seperti di bawah yang boleh dimuat turun dari <https://shop.avon.my/RepMarketplaceSelling>



ITEM PROMOSI JUALAN

JANGAN GUNAKAN nama atau logo jenama **Avon** dalam item promosi anda seperti topi, kemeja-t, poster, atau sebagainya.



Jangan menggunakan gambar hak cipta dan logo lama Avon



Jangan menggunakan logo Avon tanpa perkataan **Independent Rep**



Jangan menggunakan logo Avon yang **salah**


KAMI MENYEDIAKAN bahan promosi dan alatan jualan rasmi untuk Wakil yang dijual sebagai premium dalam Brosur kami, dan kami menggalakkan anda menggunakannya.

IKLAN CETAK

JANGAN MENGGUNAKAN logo korporat atau gambar hak milik Avon dalam pembuatan bahan iklan cetak anda sendiri, seperti risalah edaran untuk mendapatkan pesanan. Bagi memastikan bahan cetak tersebut adalah jelas ciptaan anda dan bukan daripada Avon, pastikan anda menggunakan logo **Independent Avon Rep**.




Jangan menggunakan logo atau gambar hak milik Avon (model & produk)



Gunakan logo **Independent Avon Rep** dan gambar produk yang diambil sendiri

KAMI MENYEDIAKAN bahan cetak seperti kad pesanan untuk pelancaran produk popular kami. Anda boleh menyertakan maklumat bisnes anda pada kad tersebut yang menjelaskan status anda sebagai Wakil Berdaftar. Avon akan memaklumkan kepada anda jika bahan tersebut sedia untuk digunakan.



NAMA DOMAIN, URL DAN ALAMAT E-MEL

Wakil tidak boleh mendaftarkan nama domain yang mengandungi cap dagangan Avon (termasuk perkataan 'Avon') dan tidak boleh menggunakan cap dagangan Avon dalam mana-mana bahagian subdomain atau bukan domain pada mana-mana URL tanpa kebenaran bertulis daripada kami. Hal ini kerana ia mungkin menimbulkan impresi salah di mana laman web atau e-mel tersebut diuruskan oleh Avon.

Jika anda sudah mempunyai laman web yang mengandungi apa-apa cap dagangan Avon dalam nama domain anda, anda perlu menukar domain/nama akaun anda. Jika anda gagal melakukan sedemikian, Avon mungkin memerlukan anda untuk memindahkan laman web anda kepada domain yang lain dan menyerahkan domain tersebut kepada Avon.

www.avonampang.com.my

Nama domain mengandungi 'AVON' ❌

www.beautybynadia.com.my

Nama domain tidak mengandungi 'AVON' ✔️

Nadia@avonampang.com.my

Alamat e-mel mengandungi 'AVON' ❌

nadia@beautybynadia.com.my

Alamat e-mel tidak mengandungi 'AVON' ✔️

From: Avon Cosmetics <representative@avonampang.com.my> ❌

Nama e-mel terlihat seolah-olah dikirim oleh pihak rasmi Avon



04

**HAK CIPTA?
APA TU?**

SEGALANYA TENTANG HAK CIPTA

Semua **fotograf**, **brosur**, **katalog**, **bahan jualan**, **kontrak** serta **sesi latihan jualan**, **karya**, **bahan audio** atau **video**, **pembentangan** dan **acara** merupakan harta hak cipta kami yang dilindungi, sepertimana buku daripada pengarang, lukisan daripada artis atau lagu daripada komposer.

Hak penggunaan secara amnya dimiliki oleh Avon atau individu lain (contohnya jurugambar) yang telah memberi kebenaran kepada Avon untuk menggunakan bahan tersebut, selalunya pada masa, lokasi atau saluran yang terhad. Tetapi, hak tersebut tidak dibuka kepada Wakil Berdaftar Avon. Seperti **cap dagangan** kami, tiada siapa dibenarkan untuk menggunakan mana-mana bahan ini tanpa kebenaran Avon.

SECARA RINGKASNYA, jangan menggunakan halaman daripada brosur, gambar produk atau model, contohnya memuat turun imej daripada laman web Avon atau mengambil gambar brosur untuk dikongsikan.



Jangan menggunakan gambar model milik Avon



Jangan menggunakan gambar produk milk Avon



Jangan mengambil atau memuat turun gambar daripada laman web atau brosur


KAMI MENYEDIAKAN pelbagai aset khas yang boleh dikongsikan di media sosial melalui platform anda sendiri. Anda boleh menyiarkan semula aset ini di platform anda menggunakan fungsi 'repost' agar pelanggan tahu anda merupakan Wakil Berdaftar yang menjual barangan Avon.

Berkongsi menggunakan kaedah ini akan memastikan anda patuh kepada hak cipta kami.

INSTAGRAM - @avonmy

FACEBOOK - @avonmy

TIKTOK - @avonmy.official





05


**TIP MENJUAL
SECARA DALAM
TALIAN (ONLINE)**

PERKARA PENTING TENTANG MENJUAL SECARA 'ONLINE'

Kami membantu Wakil kami dengan menyediakan pelbagai alat bantu jualan secara 'online'.


Laman Web Rasmi Avon

membolehkan anda membuat pesanan pelanggan secara 'online' dan Avon akan menghantar pesanan terus kepada mereka.



Instant Messaging Brochure (IMB) Avon

membolehkan anda berkongsi brosur kami dalam bentuk interaktif kepada pelanggan anda dan mereka boleh klik pada produk yang diinginkan. Setelah selesai, senarai pesanan mereka akan dihantar kepada anda melalui WhatsApp.




PERKARA PENTING TENTANG MENJUAL SECARA 'ONLINE'

Jika anda ingin mencipta laman web sendiri untuk menjual produk Avon, anda harus memiliki reka bentuk dan penampilan laman web yang tersendiri dan tidak boleh menyerupai penampilan laman web Avon rasmi sehingga dapat menimbulkan kekeliruan kepada pelanggan. Terdapat beberapa kriteria yang perlu dipatuhi dan akan diberitahu sebentar lagi. **Halaman-halaman berikutnya akan memberi panduan dalam mencipta laman web persendirian untuk bisnes Avon anda.**



CONTOH
1

✓ LAMAN WEB
MEMATUHI SYARAT



CONTOH 2

✗ LAMAN WEB TIDAK
MEMATUHI SYARAT


CONTOH 1 LAMAN WEB MEMATUHI SYARAT

1. Gunakan nama domain asli anda tanpa menggunakan nama Avon.

Laman web anda perlu nampak seperti laman web anda sendiri, bukan seperti laman web Avon.

2. Gunakan fotografi sendiri untuk produk Avon.

3. Laman web anda perlu memaparkan penafian ini.



4. Apa-apa paparan alamat e-mel atau pautan ke laman web lain tidak mengandungi logo atau cap dagangan Avon.

5. Apabila anda mengiklankan produk Avon di laman web anda, pastikan anda memaparkan info dan penerangan berkaitan produk yang telah diberikan di dalam komunikasi rasmi Avon.


CONTOH 2 ✘ LAMAN WEB TIDAK MEMATUHI SYARAT

1. Jangan menggunakan penjenamaan dan logo Avon serta nama Avon dalam nama domain, URL atau alamat e-mel.

2. Laman web anda tidak boleh memaparkan foto produk atau model hak cipta yang diambil daripada laman web atau brosur Avon.

Laman web anda **TIDAK BOLEH** menyerupai laman web rasmi Avon.

3. Laman web anda **MESTI** memaparkan penafian Avon yang betul.



4. Apa-apa paparan alamat e-mel atau pautan ke laman web lain tidak boleh mengandungi logo atau cap dagangan Avon.

5. Apabila anda mengiklankan produk Avon di laman web anda, pastikan anda memaparkan info dan penerangan yang diberikan di dalam komunikasi rasmi Avon.

KRITERIA YANG PERLU DIPATUHI UNTUK KEDAI 'ONLINE' ANDA:

TIDAK BOLEH menggunakan cap dagangan Avon (cth: nama Avon) dalam kedai 'online', nama domain, URL atau alamat e-mel anda.

TIDAK BOLEH menggunakan bahan hak cipta (cth: gambar produk yang diambil dari brosur Avon) dalam laman web anda. Anda hanya boleh menggunakan logo Avon Independent Rep, gambar atau foto yang anda dapatkan daripada halaman Rep Resources dan dalam skop yang ditetapkan untuk bahan tersebut (tempoh dan saluran).

Laman web atau 'e-store' anda perlu mempunyai penampilan tersendiri dan TIDAK menyerupai Avon.

Setiap masa, urusan jual-beli antara anda dan pelanggan perlu jelas; pelanggan perlu tahu bahawa mereka membeli daripada Wakil Berdaftar di laman web anda dan maklumat anda haruslah dipaparkan dalam laman web anda.

Anda perlu memaklumkan status anda sebagai Wakil Berdaftar Avon dengan memaparkan logo atau perkataan **Independent Avon Rep** di lokasi yang mudah dilihat dalam teks fon yang sama atau lebih besar berbanding teks di sekelilingnya.

Laman web anda MESTI memaparkan penafian ini:

"Segala kenyataan, pandangan dan pendapat yang dinyatakan di laman web ini adalah sepenuhnya milik Wakil Berdaftar Avon ___ (nama anda). Kenyataan, pandangan dan pendapat ini tidak dibuat oleh, atau dibuat bagi pihak Avon sama sekali, atau diluluskan atau dibenarkan oleh Avon dalam apa cara sekalipun. Wakil Berdaftar Avon ini tidak mewakili Avon dalam mana-mana bentuk atau tidak mengambil tanggungjawab atau komitmen bagi pihak Avon."

Apabila anda mengiklankan produk Avon di laman web anda, pastikan anda menggunakan info dan penerangan berkenaan produk yang telah disediakan dalam komunikasi rasmi Avon, seperti brosur atau laman web Avon. Jangan sesekali menggunakan ayat yang anda dicipta sendiri untuk menerangkan tentang produk Avon (cth: "maskara ini melentik bulu mata hingga 3 hari") kerana kenyataan seperti ini memerlukan bukti saintifik/statistik dan anda mungkin akan menimbulkan kenyataan pemasaran yang palsu.

Apa-apa e-mel yang anda iklankan, atau pautan kepada laman web lain, TIDAK BOLEH mengandungi cap dagangan Avon.

Tambahan lagi, anda perlu selalu menunjukkan status anda sebagai **Wakil Berdaftar Avon** dalam tandatangan e-mel untuk urusan berkaitan produk Avon atau perekrutan melalui e-mel.

MEMPROMOSIKAN LAMAN WEB ANDA DI PLATFORM LAIN:

Wakil Avon bebas untuk mengiklankan laman web persendirian mereka, tetapi jika anda memilih untuk membida nama 'Avon' atau mana-mana cap dagangan Avon sebagai kata kunci untuk iklan 'online', anda bersetuju untuk tidak menggunakan cap dagangan Avon dalam tajuk iklan anda, kecuali jika anda menggunakannya untuk menjelaskan tentang status **Wakil Berdaftar Avon** anda.

Namun, anda boleh menggunakan cap dagangan Avon dalam ayat pernyataan untuk iklan anda. Carian enjin pengiklanan yang membawa kepada laman web anda mesti jelas menyatakan bahawa ia dicipta oleh **Wakil Berdaftar Avon** dan bukan Avon sendiri.

Jika anda membida iklan untuk kedai 'online' yang disediakan oleh Avon (My Avon Store/[pautan lokal]), anda harus menjelaskan dalam tajuk atau ayat pernyataan iklan bahawa pelanggan akan membeli dengan anda (seorang Wakil Berdaftar).

CONTOH IKLAN

BETUL



[Beli mekap anda di sini
www.mybeautystore.com/sharon](http://www.mybeautystore.com/sharon)

Beli-belah dengan Wakil Berdaftar Avon.
Beli mekap Avon hari ini!



[Beli daripada Wakil Berdaftar Avon
www.beautybynadia.com](http://www.beautybynadia.com)

Beli-belah dengan Wakil Berdaftar Avon untuk semua produk Avon anda

SALAH



[Beli mekap Avon di sini
www.avoncosmetics.com/sharon](http://www.avoncosmetics.com/sharon)

Beli keperluan kecantikan anda terus daripada Avon!



[Beli terus daripada Avon
www.nadiaavonstore.com](http://www.nadiaavonstore.com)

Beli produk Avon dengan saya!

A close-up photograph of a person's hand and lips. The hand is positioned in the foreground, with several fingers visible, all painted with a vibrant, glossy red nail polish. The lips are also painted with a matching red lipstick, showing a textured, slightly cracked surface. The background is a soft, out-of-focus skin tone. Overlaid on the image is the number '06' in a large, white, sans-serif font, and below it, the title 'PASARAN 'ONLINE' & JUAL-BELI DI MEDIA SOSIAL' in a smaller, white, bold, sans-serif font.




06

**PASARAN 'ONLINE' &
JUAL-BELI DI MEDIA
SOSIAL**

Avon menggalakkan Wakil Berdaftar untuk menjalankan bisnes Avon secara 'online', termasuk menjual di pasaran (marketplace) 'online'.

Di Malaysia, Kedai Rasmi Avon (Avon Official Store) telah berada di Shopee Mall, LazMall dan TikTok. Ini bermakna mana-mana penjual yang ingin menjual barangan Avon perlu menyerahkan surat pengesahan (Letter of Authorisation) daripada Avon yang memperakui status mereka sebagai Wakil Avon Berdaftar. Sebagai permulaan, kelulusan untuk menjual di Shopee, Lazada & TikTok tertakluk kepada Wakil yang menepati keperluan yang ditetapkan oleh Avon, platform pasaran tersebut dan juga Kementerian.

Jika anda ingin membuat senarai barangan jualan sendiri di mana-mana pasaran ini, anda boleh melakukannya atas risiko sendiri. Senarai yang dibuat oleh Wakil mungkin boleh digugurkan oleh platform tersebut jika terdapat pertindanan (duplicacy) atau melanggar peraturan dan polisi pasaran, termasuk Polisi Harta Intelek mereka.




MENJUAL BARANGAN AVON DI PASARAN 'ONLINE' TANPA KEDAI RASMI AVON

Apabila anda ingin menjual produk Avon di pasaran 'online' yang tidak mempunyai kedai rasmi Avon, pastikan anda mematuhi peraturan di bawah ketika anda mencipta pasaran atau senarai barangan (listings) untuk dijual.

✓ Gunakan cap dagangan Avon hanya dalam bentuk deskriptif untuk menerangkan barangan yang dijual. Contohnya, "Avon True Colour Glimmerstick Eyeliner" sebagai tajuk dalam senarai.

✗ Jangan menggunakan cap dagangan selain yang dibenarkan, atau bahan hak cipta Avon dalam pasaran atau senarai jualan anda.



Jika anda mencipta kandungan atau foto sendiri untuk digunakan dalam senarai anda:

✓ Gambar produk yang diambil perlulah jelas dengan latar belakang dan struktur yang bersesuaian.



✗ Jangan menggunakan gambar yang kabur, serabut dan tidak kemas kerana ini mungkin menjejaskan persepsi terhadap jenama Avon.





A group of diverse young people, including men and women of various ethnicities, are gathered around a central point, looking down at their smartphones. They are all smiling and appear to be engaged in a social activity. The background is a clear blue sky. The number '07' is overlaid in the center of the image in a large, white, sans-serif font.

07

**JADILAH PENGGUNA
MEDIA SOSIAL
YANG BIJAK**

ANDALAH WAJAH JENAMA AVON DI MEDIA SOSIAL


Memandangkan jualan produk Avon bergantung kepada hubungan peribadi dan kebanyakannya dilakukan di media sosial, kami menggalakkan anda untuk aktif di media sosial, blog dan laman seumpamanya. Wakil Avon digalakkan untuk menggunakan platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan TikTok untuk berkongsi minat tentang Avon, tetapi dengan cara yang ikhlas dan jujur seiring garis panduan berikut...




GARIS PANDUAN MEDIA SOSIAL:

1. Jangan sertakan cap dagangan Avon dalam nama 'username' atau nama profil media sosial anda, melainkan anda menggunakan nama 'Avon' untuk menerangkan status anda sebagai Wakil Berdaftar Avon. Hal ini kerana anda tidak boleh menggunakan cap dagangan Avon dalam cara yang menggambarkan bahawa akaun media sosial itu adalah milik Avon ataupun akaun tersebut ialah saluran rasmi Avon.
2. Apabila anda menubuhkan halaman atau kumpulan di media sosial, jangan menggunakan cap dagangan Avon yang boleh mengelirukan pengguna dan menimbulkan tanggapan bahawa halaman itu diuruskan oleh Avon atau ia merupakan halaman kumpulan 'rasmi' Avon. Nama halaman atau kumpulan di media sosial (cth: Facebook) tidak boleh menggunakan cap dagangan Avon, melainkan disusuli dengan pernyataan yang menjelaskan bahawa halaman ini diuruskan oleh individu, contohnya 'Becky's Avon Shop' dengan gambar Becky sendiri.

3. Anda tidak boleh menggunakan apa-apa logo cap dagangan Avon, bahan hak cipta atau gambar produk dan model rasmi Avon sebagai gambar profil personal atau kumpulan



- ✓ **BETUL** Laman Facebook bernama **Becky's Avon Shop** dengan gambar anda atau gambar kumpulan.



- ✗ **SALAH** Laman Facebook bernama **Avon Shop** menggunakan logo dagangan Avon atau bahan hak cipta Avon.

GARIS PANDUAN MEDIA SOSIAL:

4. Anda tidak boleh menggunakan mana-mana gambar Avon yang diambil daripada laman web Avon atau carian internet untuk disertakan dalam hantaran 'online'. Namun, anda boleh menyertakan pautan kepada kandungan di laman web Avon atau, jika ada, menggunakan fungsi 'sharing' di laman web Avon atau hantaran media sosial Avon bagi berkongsi hantaran umum yang telah dibuat oleh Avon.

5. Wakil boleh membuat hantaran seperti rakaman audio atau video, atau gambar yang diambil semasa perjumpaan dengan pelanggan selagi hantaran tersebut tidak melanggar hak privasi pelanggan tersebut. Wakil boleh membuat hantaran seperti rakaman audio atau video atau gambar yang diambil semasa mesyuarat Avon jika hantaran tersebut telah mendapat kelulusan awal daripada Avon.

6. Apabila berkongsi tentang produk Avon di platform media sosial dan menggalakkan orang untuk membeli, pastikan anda jelas mengenai hubungan komersial anda dengan Avon dan status anda sebagai Wakil Berdaftar Avon. Di negara-negara lain, anda dianggap sebagai pempengaruh (influencer). Jadi, anda perlu mengikuti peraturan pengiklanan yang ditetapkan, contohnya melabel kandungan media sosial anda dengan perkataan 'ad' jika profil anda tidak jelas menggambarkan bahawa anda mengesyorkan produk tersebut dalam jualan Avon anda.

A close-up photograph of two young women's faces. The woman on the left is smiling, showing her teeth. The woman on the right has a neutral expression. The text is overlaid in the center of the image.

08

**MENGAPA
PEMATUHAN
BEGITU PENTING?**

MENGAPA PEMATUHAN BEGITU PENTING?

Anda kini memahami betapa pentingnya jenama Avon dan akan mengetahui dengan mematuhi Peraturan ini, anda akan membantu melindungi jenama ini hingga tahun-tahun berikutnya.

Avon memandang serius tentang sebarang ketidakpatuhan dan mungkin akan:

- Memberikan anda amaran atas apa-apa ketidakpatuhan terhadap Peraturan dan meminta anda untuk memperbetulkannya.
- Meminta iklan, kandungan, senarai, laman web dan halaman media sosial anda diturunkan oleh pemilik domain.
- Memutuskan bahawa pelanggaran peraturan yang berulang atau serius sebagai pelanggaran Perjanjian Persetujuan Avon anda, dan dalam kes terburuk, membatalkan Perjanjian tersebut.

A close-up, high-angle portrait of a woman with dark, curly hair. She is smiling broadly, showing her teeth. Her eyes are looking upwards and to the left. The lighting is soft and natural, highlighting her skin texture and the details of her smile. The background is dark and out of focus.

09

**AYUH KITA
MULAKAN!**

SOALAN LAZIM

SOALAN	JAWAPAN
Adakah Avon mempunyai kedai rasmi di Shopee, Lazada atau TikTok?	Ya, Avon mempunyai kedai rasmi di ketiga-tiga platform ini. ShopeeMall – Avon Official Store LazMall – Avon TikTok - @avonmy.official
Bolehkah saya membuka kedai saya sendiri di platform berikut?	Penjual jualan langsung (seperti Wakil Avon) dibenarkan untuk membuka kedai/akaun jualan sendiri, namun anda perlu: <ol style="list-style-type: none">1. Mendapat surat pengesahan kebenaran jualan daripada Avon,2. Mematuhi Garis Panduan Pemasaran (Marketing Code of Conduct) yang ditetapkan Avon, dan3. Mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh setiap platform tersebut. <p>Perkara ini harus dipatuhi oleh semua Wakil Avon, sama ada yang telah lama mempunyai kedai di platform, atau yang baru ingin membuka kedai. Sebarang perniagaan di platform tersebut adalah atas tanggungjawab dan risiko anda sendiri. Avon tidak akan bertanggungjawab sekiranya anda mengalami sebarang masalah atau isu berkaitan platform tersebut.</p>
Saya sudahpun mempunyai akaun atau kedai sendiri di platform tersebut, dan telah menjalankan perniagaan. Adakah saya boleh terus menjual?	Kami faham bahawa jualan digital memainkan peranan dalam keusahawanan anda. Anda boleh terus menjual, namun perlu membuat permohonan kepada Avon untuk menjadi Wakil Avon 'online' yang sah dan mendapat surat pengesahan. Selepas anda mendapat surat pengesahan daripada Avon, pastikan anda memuat naik surat tersebut di platform jualan anda. Pastikan juga anda memaparkan logo 'Avon Independent Rep' di gambar produk anda.
Bagaimanakah saya boleh mendapatkan pengesahan sebagai Wakil Avon yang sah?	Untuk memohon surat pengesahan sebagai Wakil Berdaftar Avon, sila ikuti panduan di muka surat 6. Untuk mendaftar sebagai 'affiliate' Avon di TikTok, sila ikuti panduan di muka surat 7.

SOALAN LAZIM

SOALAN	JAWAPAN
Saya merupakan pemilik Francais Butik Avon. Bolehkah saya membuka kedai di platform berikut?	Anda boleh terus menjual, namun perlu mengikuti kesemua syarat yang telah ditetapkan oleh Avon serta platform yang dipilih. Pastikan anda turut memaparkan logo 'Butik Berdaftar Avon' yang akan diberikan bersama-sama surat pengesahan anda.
Adakah saya boleh menjual apa sahaja di kedai saya?	Sebagai penjual peribadi, anda bebas menjual apa sahaja di kedai 'marketplace' anda. Walau bagaimanapun, kami sangat menggalakkan anda untuk hanya menjual barangan Avon, atau setidaknya hanya barangan kecantikan untuk mengekalkan kredibiliti kedai anda.
Apakah barangan yang tidak boleh saya jual di kedai saya?	Jangan jual sebarang produk yang akan membuatkan pelanggan sangsi terhadap penjualan, kedai mahupun ketulenan barangan Avon yang anda jual. Anda juga ditegah daripada menjual barangan yang tidak dibenarkan oleh platform tersebut. Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan platform tersebut menggantung bisnes anda, atau mungkin menutupnya.
Di manakah boleh saya dapatkan garis panduan Avon yang lengkap untuk membuat perniagaan 'online'?	Anda boleh mendapatkan Garis Panduan 'Avon Marketing Rule of Conduct' di https://shop.avon.my/RepMarketplaceSelling
Bagaimanakah sekiranya saya menjumpai sebarang ketidakpatuhan oleh mana-mana Wakil Avon atau Butik Kecantikan Avon yang menjual di 'marketplace'?	Sila kongsi pautan kedai tersebut kepada Avon Relationship Centre di talian 015 – 46000533 atau relationshipcenter.my@avon.com

PANDUAN UMUM

TOPIK	PERLU PATUHI / BOLEH	TIDAK BOLEH
HARGA BARANGAN	Menjual pada harga Brosur. Dengan ini, anda akan menikmati keuntungan mengikut kelayakan diskaun anda, sekaligus menjaga kredibiliti anda sebagai Wakil jualan yang sah.	'Membuang harga', iaitu menjual pada harga lebih rendah daripada harga Brosur. Ini akan membunuh persaingan sihat di antara Wakil Avon dan akan menyebabkan pelanggan sangsi dengan ketulenan barangan dan kredibiliti Avon.
PROMOSI MENGIKUT PLATFORM, SEPERTI 11.11, PAYDAY DLL	Anda bebas melakukan sebarang promosi atau menyertai promosi platform jualan tersebut, namun ianya adalah atas dasar pelaburan dan inisiatif peribadi anda sendiri. Avon tidak akan membayar sebarang imbuhan atau bil berkaitan promosi-promosi ini.	Avon tidak bertanggungjawab ke atas sebarang promosi atau pelaburan baik dari segi kewangan, imbuhan mahupun sebarang bayaran balik berkaitan dengan kedai anda.
HADIAH PERCUMA	Dibenarkan, tetapi ianya atas inisiatif dan pelaburan anda sendiri. Contoh barangan yang dibenarkan: Baucar mengikut promo platform, barangan Avon lain. Pastikan barangan percuma yang diberikan tidak termasuk makanan, barangan berbahaya atau sebarang produk yang mungkin memberi imej buruk terhadap Avon.	Tidak boleh memberi barangan berjenama lain contohnya, percuma sampel gincu jenama lain. - Makanan (risiko keracunan) - Barangan yang telah melepasi tarikh luput
PENGGUNAAN LOGO 'WAKIL BERDAFTAR AVON' & 'BUTIK BERDAFTAR AVON'	Logo boleh digunakan di gambar barangan Avon sahaja.	Jika anda menjual barangan jenama lain, anda tidak dibenarkan menggunakan logo tersebut pada barangan berjenama lain itu.

Avon mahupun platform-platform jualan akan melakukan pemantauan secara rawak. Sekiranya kedai anda didapati tidak mematuhi syarat-syarat jualan yang telah ditetapkan, tidakan akan diambil ke atas kedai anda. Ini boleh menyebabkan bisnes anda digantung, atau lebih teruk lagi, digugurkan.

Oleh itu, pastikan anda sentiasa mematuhi syarat sah yang ditetapkan.

MEMOHON SURAT PENGESAHAN (LOA)

Jika anda sudah mempunyai kedai 'online':

- Isi borang Rep Selling on Marketplaces: Letter of Authorization Request di pautan:
- Satu permohonan adalah untuk satu platform sahaja. Sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu kedai, sila mohon secara berasingan.
- Pihak Avon akan menghubungi anda melalui e-mel dalam tempoh 1 minggu bagi pengesahan kelayakan/penolakan.
- Sekiranya permohonan anda berjaya, muat naik surat pengesahan anda di platform jualan anda. Tunggu pengesahan daripada platform tersebut.
- Pastikan kedai anda mematuhi panduan berkenaan nama, penggunaan logo, barangan yang dijual dan sebarang tatacara yang telah dikeluarkan untuk mengelakkan sebarang masalah.
- Selamat menjual!

Jika anda belum mempunyai kedai 'online':

- Buka kedai di platform pilihan anda. Pastikan anda mendaftar sebagai 'seller'.
- Pastikan kedai anda mematuhi panduan berkenaan nama, penggunaan logo, barangan yang dijual dan sebarang tatacara yang telah dikeluarkan, untuk mengelakkan sebarang masalah.
- Isi borang Rep Selling on Marketplaces: Letter of Authorization Request di pautan:
- Satu permohonan adalah untuk satu platform sahaja. Sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu kedai, sila mohon secara berasingan.
- Pihak Avon akan menghubungi anda melalui e-mel dalam tempoh 1 minggu bagi pengesahan kelayakan/penolakan.
- Sekiranya permohonan anda berjaya, muat naik surat pengesahan anda di platform jualan anda. Tunggu pengesahan dari platform tersebut.
- Pastikan kedai anda mematuhi panduan berkenaan nama, penggunaan logo, barangan yang dijual dan sebarang tatacara yang telah dikeluarkan untuk mengelakkan sebarang masalah.
- Selamat menjual!